# GARIS PANDUAN GERAN POTENTIAL ACADEMIC STAFF (PAS) 2017

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>Objektif</td><td>1. Menjadi penggalakan kepada penyelidik baru untuk memulakan penyelidikan.<br>2. Sebagai asas pendedahan berkaitan penyelidikan kepada penyelidik baru.</td></tr>
<tr><td>Syarat Khusus</td><td>1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM seperti berikut:<br>i. Staf akademik UTM (warganegara) yang baru menamatkan PhD dalam tempoh SATU (1) tahun dari tarikh menerima kelulusan PhD tersebut; atau<br>ii. Staf akademik bukan warganegara yang baru berkhidmat di UTM; atau<br>iii. Staf akademik UTM (warganegara) yang tidak pernah mempunyai geran selepas menerima PhD dalam tempoh lebih setahun.</td></tr>
<tr><td>Syarat Permohonan</td><td>1. Tidak pernah mempunyai geran penyelidikan termasuk GUP atau lain-lain geran.<br>2. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah SATU (1) orang staf akademik tidak termasuk Ketua Projek.<br>3. Bagi pemohon staf akademik berstatus kontrak perlu menamakan SATU (1) orang staf akademik berstatus tetap sebagai ahli projek.</td></tr>
<tr><td>Tempoh Projek</td><td>1. Tempoh projek penyelidikan ini tidak melebihi 12 bulan.<br>2. Pelanjutan tempoh hanya dibenarkan sekali sahaja.</td></tr>
<tr><td>Amaun</td><td>1. Peruntukan maksimum tidak melebihi RM 20,000.00 (S&T) dan RM 10,000.00 (SS).</td></tr>
<tr><td>Lokasi</td><td>Projek hanya boleh dijalankan di Malaysia sahaja.</td></tr>
<tr><td>Output</td><td>1.Output projek ini adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Output</th></tr>
<tr><td>Kertas Kerja Jurnal Berindeks</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Matching Grant (External Grant)</td><td>100%</td></tr>
</table>
i. Projek perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) Kertas</td></tr>
</table>

| Perkara | Keterangan |
|---|---|
| | Kerja Jurnal Berindeks bagi tempoh penyelidikan di mana penulis utama adalah dalam kalangan Ketua Projek. Kertas kerja yang sama tidak boleh digunakan untuk pengiraan KPI RU bagi projek penyelidikan yang lain.<br>ii. Ketua Projek bertanggungjawab untuk mendapatkan **100%** Geran Sepadan (*Matching Grant*) dari sumber luar iaitu kerajaan, swasta ataupun antarabangsa. |
| **Proses Permohonan** | 1. Semua Permohonan bagi GUP mestilah diisi secara atas talian di **https://radis.utm.my**. |
| **Penilaian Proposal** | 1. Proposal perlu dinilai di peringkat RA oleh **DUA (2)** orang panel penilai.<br>2. Proposal yang telah dinilai perlu diperakukan oleh Dekan RA.<br>3. Kelulusan bergantung pada baki peruntukan keseluruhan sedia ada. |